


KPDNHEP Mukah rampas topeng muka dijual lebih harga maksimum

Utusan Borneo (Sarawak)

10 Apr 2020



BAHAN BUKTI: Salihin (dua dari kiri) ketika menunjukkan barang rampasan bersama yang lain

MUKAH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Mukah bertindak menyita dan merampas 40 unit topeng muka dianggarkan bernilai RM100 di sebuah premis perniagaan di Dalat kelmarin.

Menurut Ketua KPDNHEP Mukah Salihin Den, pihaknya bertindak atas aduan orang awam melalui media massa bahawa premis dimaksudkan menjual topeng muka tiga lapis pada harga tinggi.

"Hasil pemeriksaan yang dijalankan mendapati peniaga telah menjual topeng muka tiga lapis dengan harga yang lebih tinggi iaitu RM2.50 seunit melebihi harga maksimum yang telah ditetapkan iaitu RM1.50 seunit," katanya dalam sedang media di Bangunan Pentadbiran Baharu Mukah, Tingkat Satu sebentar tadi.

Tindakan kes diambil di bawah Seksyen 11, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

Sekiranya suspek didapati melakukan kesalahan, suspek akan didakwa dan jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya untuk individu.

Manakala untuk syarikat atau Pertubuhan Perbadanan boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga 250,000.

Sehingga 8 April, KPDNHEP Mukah telah memeriksa sebanyak 1,119 premis termasuk di kawasan bandar serta luar bandar, mencatatkan 39 kes melibatkan nilai rampasan sebanyak RM 54,102.98 dan jumlah kompaun RM16,050.

Sejak pandemik COVID19, topeng muka merupakan salah satu antara barang paling laris di pasaran dan ada ketika ia juga amat sukar didapati.

Perkara itu menjadikan pihak berkuasa terpaksa menetapkan harga barang berkenaan agar tidak dimanipulasi oleh pihak tidak bertanggungjawab.